

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama rahmat buat seluruh lapisan masyarakat tanpa bersikap prejudis terhadap sesetengah golongan kerana semua manusia diciptakan dengan sebaik-baik penciptaan dan yang membezakan antara manusia di sisi Allah SWT ialah iman dan takwa. Persamaan yang wujud dalam masyarakat menjurus kepada permuafakatan dan kebaikan amatlah disokong oleh Islam dan perbezaan yang wujud pula diraikan bagi menjaga keamanan dalam konteks hidup bermasyarakat dan beragama selagi mana tidak berlakunya percanggahan hukum syara'. Ianya bertepatan dengan teori *maqāṣid sharī'ah* yang mendokong kuat matlamat keadilan dan persamaan berpandukan terma-terma *sharī'ah*, sama ada dalam aspek kemasyarakatan, perundangan, perjawatan dan sebagainya.

Maqāṣid Sharī'ah adalah istilah yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu *maqāṣid* dan *sharī'ah*. Dari sudut bahasanya, *maqāṣid* merupakan kata jamak daripada *maqṣad* dan *maqṣid* yang berasal daripada perkataan *qaṣada* dan membawa maksud menuju ke suatu arah. Manakala *sharī'ah* pula berasal daripada perkataan *syara'* yang membawa maksud terbit air yang menjadi sumber minuman. Dari segi istilah, ia merangkumi apa yang diturunkan oleh Allah kepada umat manusia melalui Nabi Muhammad SAW (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Oleh itu, menurut 'Alāl Al-Fāsi (1993), *maqāṣid sharī'ah* diertikan sebagai tujuan *sharī'ah* dan rahsia yang Allah letakkan pada setiap hukum yang diturunkannya. Lebih mudah lagi, *maqāṣid sharī'ah* diertikan sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau

objektif atau tujuan disyariatkan sesuatu hukum bagi memelihara kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat (Tuan Sidek, 2021). Ia juga merupakan kebaikan yang di inginkan oleh Allah SWT atas pensyarian hukum *syara'* (Makhdum, 1999). Objektif *shari'ah* terbahagi kepada 3 bahagian iaitu *darūriyyāt*, *hājjiyāt* dan *taḥsiniyyāt*. Ia juga boleh dibahagi berasaskan kepada sokongan dalil-dalil *syara'* seperti *maqāṣid 'ammah* dan *maqāṣid khāssah*. *Maqāṣid ammah* adalah tujuan nas *syara'* secara keseluruhannya seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tujuan untuk memudahkan dan tidak menyusahkan, tujuan untuk menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur, tujuan manusia menjadi khalifah di atas muka bumi ini dan tujuan untuk mendatangkan kebaikan serta menjauhkan keburukan (Al-Najjār, 2008; Yamani, 2006). Manakala *maqāṣid khāssah* adalah iaitu tujuan *syara'* dalam sesuatu bab tertentu seperti tujuan *shari'ah* dalam bidang jenayah harta dan kekeluargaan (Al-Raysūnī 1992; Yamani, 2006).

Tiada sebarang kenyataan dalam agama Islam yang membenarkan kezaliman atas perbezaan kaum atau agama. Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab kerajaan Islam untuk menyuburkan penghayatan keadilan ini dalam masyarakat majmuk melalui kaedah-kaedah yang menitikberatkan konsep *maqāṣid shari'ah* demi menjaga *maṣlahah* ummah secara keseluruhan dan menghilangkan *mafsadah*. Menurut Ibn Qāyyim r.h: "*Shari'ah* Islam dibina atas asas hikmah kebijaksanaan, kemaslahatan hamba di dunia dan di akhirat. Syariat semuanya adil, *maṣlahah* dan hikmah. Maka semua perkara yang keluar dari batasan keadilan kepada kezaliman dan rahmat kepada lawannya, dari *maṣlahah* kepada *mafsadah*, hikmah kepada pekerjaan yang sia-sia maka ia bukanlah dari syariat Islam" (Ibn Qāyyim Al-Jāwziyyah, 1996). Apabila manusia hidup tanpa *maqāṣid*, mereka hidup bagaikan memiliki jiwa tanpa roh. Begitu juga pentadbiran tanpa *shari'ah* bagaikan sebuah negara tanpa roh, maka segala

perundangan yang dilakukan tidak dapat dihayati dan diamalkan dengan berkesan kerana tiadanya bimbingan dari Allah SWT.

1.2 Latar Belakang Kajian

Konflik antara penganut agama Islam dan bukan Islam telah lama terjadi seperti diskriminasi terhadap umat Islam di negara-negara luar, penindasan umat Islam oleh orang bukan Islam di Ughur, China dan juga kes pelarian Rohingya akibat dihalau dari negara sendiri. Perebutan Israel terhadap negara Palestin turut mendapat perhatian umat Islam sedunia. Lebih-lebih lagi apabila bekas Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang mengumumkan untuk mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel pada tahun 2017. Pengisytiharan itu disambut kritikan tegas serantau dan ia mengakhiri tempoh tujuh dekad ketidaktentuan diplomatik mengenai status bandar suci terbabit, yang didakwa dimiliki Israel dan Palestin (Berita Harian, 2017).

Manakala di Malaysia juga terdapat beberapa kes yang dilaporkan ke Mahkamah Syariah melibatkan konflik di antara penganut agama Islam dan bukan Islam. Antara kes yang menjadi perbicaraan di mahkamah adalah seperti kes pertukaran agama sama ada yang melibatkan permohonan masuk Islam atau keluar Islam (Siti Zaleha Ibrahim, 2016). Kes murtad bukanlah suatu perkara yang baharu, ini kerana kejadian ini pernah berlaku di negara Malaysia sebelum ini seperti kes Kamariah Ali (Kamariah Ali & Yang Lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi , 2004) dan Lina Joy (Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain , 2007). Begitu juga dengan kes penukaran agama yang telah menyebabkan sensitiviti orang bukan Islam dan prejudis mereka seperti yang berlaku dalam kes Mohammad b. Abdullah @ Moorthy a/l Maniam (Siti Zaleha Ibrahim, 2016).

Selain itu, kes perebutan penjagaan anak atau hak hadanah juga banyak dilaporkan di Mahkamah Syariah. Pertikaian hak hadanah bukan hanya melibatkan ibu, bapa, atau penjaga yang beragama Islam sahaja bahkan melibatkan ibubapa yang berlainan agama. Antara kes yang melibatkan perebutan ini adalah kes Indira Gandhi A.P. Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors , 2013) dan Subashini Rajasingam v Saravanan Thangathory (Subashini Rajasingam v Saravanan Thangathory & Other Appeals, 2007). Kedua kes ini melibatkan pengislaman anak-anak oleh ayah mereka tanpa pengetahuan ibu yang masih berbangsa Hindu serta perebutan hak penjagaan anak tersebut.

Pada Mac tahun 2021, telah keluar satu keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang membenarkan penganut agama Kristian menggunakan kalimah Allah dan beberapa lagi kalimah keagamaan Islam di dalam penerbitan agama dan sistem pendidikan mereka (Jill Ireland bt Lawrence Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Anor [2021] MLJU 360) yang telah menimbulkan konflik antara penganut Islam dan Kristian di mahkamah sivil selain kes yang sama pernah berlaku pada 2009 iaitu kes berhubung dengan penerbitan *The Herald* oleh gereja Katolik (Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur V Menteri Dalam Negeri & Anor, 2009). Pada bulan Mei tahun 2023 pula, telah heboh di dada akhbar, di media telekomunikasi akan penarikan kerajaan Malaysia ke atas rayuan yang dibuat berhubung kes Jill Ireland Lawrence Bill dimana keputusan mahkamah sebelum itu telah membenarkan penggunaan kalimah Allah dan beberapa kalimah lain digunakan oleh pemohon yang beragama Kristian. Perkara ini mendatangkan kebimbangan umat Islam khususnya kerana ia melibatkan kalimah tauhid mereka dan ia melibatkan hubungan sesama masyarakat yang berbilang kaum dalam satu negara.

Islam adalah agama yang memberi pedoman hidup kepada manusia secara menyeluruh, meliputi segala aspek kehidupan individu dan masyarakat sama ada untuk mencapai kebahagiaan hidup rohani ataupun jasmani. Tujuan atau *maqāsid* utama penciptaan hukum *sharī'ah* dalam menetapkan hukum-hukum adalah untuk kemaslahatan dan kepentingan serta kebahagiaan manusia secara menyeluruh baik kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat (Uvnan, 2001). Memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia merupakan tujuan utama hukum *sharī'ah* diturunkan (Al-Raysūnī, 1992). Manakala menurut Ibn Qāyīm Al-Jāwziyyah (1996), tujuan syariat secara umumnya adalah untuk memberi keadilan, rahmat, maṣlahah atau kebaikan. Segala peraturan undang-undang yang menyimpang dari tujuan umum tersebut adalah bertentangan dengan syariat. Tujuan utama sesuatu kehakiman itu adalah keadilan. Berdasarkan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ وَعَدِلُوا ۗ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai penegak keadilan karena Allah, (ketika) menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah. Karena (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".

(al-Quran. Al-Maaidah 5:8)

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Khalif Muammar dan rakan-rakannya dalam penyelidikan mereka pada tahun 2013, mereka mengatakan bahawa masyarakat Melayu Islam memang sedari awal memahami kalimah Allah bagi nama khas bagi Tuhan dalam agama Islam. Ini terbukti apabila masyarakat Melayu tidak menterjemahkan perkataan Rasul Allah di atas Batu Bersurat Terengganu yang merupakan catatan Jawi terawal untuk bahasa Melayu

dengan Rasul Dewata Mulia Raya yang dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit yang kuat (Roslizawati Mohd Ramly, 2019).

Di negara Malaysia dan seluruh dunia, secara umum dan khususnya, perkataan dan penggunaan kalimah suci Allah SWT adalah secara automatik terus merujuk kepada agama Islam. Apabila disebut agama Islam, maka difahamilah bahawa kalimah suci Allah SWT adalah hak mutlak umat Islam sama ada dari segi pentauhidan, penggunaan, pengamalan, penghayatan, perubatan, pembelajaran, perhiasan dan lain-lain lagi, yang kesemuanya ini akan dibawa dan dilaksanakan oleh umat Islam dalam kehidupan harian mereka (Zulkifli Mohamad Al- Bakri, 2018).

Polemik penggunaan kalimah Allah telah menimbulkan keresahan dan konflik yang berpanjangan khususnya membabitkan hubungan di antara umat Islam dan penganut Kristian di Semenanjung Malaysia. Konflik antara masyarakat Islam dan masyarakat Kristian telah bermula di Malaysia apabila pada awal tahun 2009, masyarakat Malaysia dikejutkan dengan isu penggunaan kalimah Allah SWT. Ahli agama Islam, ulama dan pemimpin pemerintahan khususnya Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam senada menunjukkan ketidakpuasan hati dan kurang senangnya dengan keputusan bahawa pihak gereja Herald Catholic boleh menggunakan kalimah Allah (Zulkifli Mohamad Al- Bakri, 2018). Isu rentas agama dan budaya ini juga dilihat menyumbang kepada persepsi yang kurang disenangi oleh sebahagian masyarakat Islam termasuk pihak berkuasa agama seolah-olah menggambarkan sesetengah pihak termasuk pemimpin-pemimpin politik kurang menitik beratkan persoalan yang berkaitan amalan rentas agama dan budaya berlainan agama (Wan Zulkifli Wan Hassan, 2016). Pelbagai reaksi dan persoalan oleh ulama dan mufti dinukilkan dalam buku "Validity of the use of the name Allah only for Muslims" terbitan JAKIM. Selain itu,

insiden serangan dan cubaan pembakaran tiga buah gereja yang berlaku pada 8 Januari 2010 memperlihatkan bagaimana isu tersebut berpotensi mencetuskan ketegangan antara penganut pelbagai agama di Malaysia (Zieman, 2010).

Pada tahun 2021, rakyat Malaysia digemparkan pula dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memutuskan bahawa penganut agama Kristian dibenarkan menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan lain dalam agama Islam, iaitu solat, Kaabah dan Baitullah dalam penerbitan agama itu serta untuk tujuan pendidikan dalam komuniti mereka. Berikutan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut ia telah mendapat perhatian daripada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi laman facebooknya. Baginda menzahirkan rasa dukacita dengan keputusan tersebut kerana ia membabitkan sensitiviti umat Islam. Kata baginda bahawa kalimah Allah merupakan nama yang khusus kepada Tuhan yang disembah oleh umat Islam. Nama Allah ini diberi oleh diri-Nya, bukan berasal daripada mana-mana akar kata, tetapi kata nama khas yang merujuk kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa, Tuhan yang disembah oleh umat Islam. Apabila timbul kembali isu penggunaan kalimah Allah untuk digunakan pada tuhan yang lain daripada maksud yang sebenar, baginda merasa amat dukacita kerana perkara ini boleh menimbulkan perbalahan dan persepsi yang kurang elok terhadap keharmonian bangsa Johor yang hidup bermuafakat di dalam satu negeri (Omar, 2021).

Keputusan Mahkamah Tinggi tersebut telah dibawa ke peringkat rayuan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia, akan tetapi pada bulan Mei 2023, rayuan tersebut telah ditarik semula oleh mereka. Keputusan Mahkamah Tinggi tersebut juga bertentangan dengan seksyen 9 Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Di Negeri-Negeri serta keputusan fatwa yang pernah dikeluarkan

sebelum ini oleh Pejabat Mufti di Negeri-Negeri di Malaysia. Fatwa yang diwartakan seperti di negeri Kedah (2010), Johor (2008) dan Selangor (2008) melarang penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Malaysia demi menjaga kesucian kalimah tersebut daripada disamakan penggunaannya dengan agama-agama selain Islam.

Pelbagai perbincangan telah ditulis berhubung isu ini seperti kajian lepas tentang 'uruf penggunaan kalimah Allah oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018), hukum penggunaan kalimah Allah oleh Khairul Azhar Meerangani (2016), maksud kalimah Allah dan penggunaannya dalam kalangan pemimpin Kristian oleh Roslizawati Mohd Ramly (2019) dan keselamatan sosial dalam isu kalimah Allah di Malaysia oleh Dayangku Siti Noraini (2019). Juga perbincangan dalam buku terbitan JAKIM oleh Dr Zulkifli Mohammad Al-Bakri (2016) yang membahaskan tentang penggunaan kalimah Allah hanya untuk orang Islam berdasarkan dalil al-Quran dan sunnah. Walaupun terdapat pelbagai perbincangan yang pernah ditulis dan dikupas berhubung isu penggunaan kalimah ini dari tahun 2009 sehingga 2019, masyarakat termasuklah pemimpin tetap juga menyoalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 2021 berkaitan penggunaan kalimah tersebut. Perkara ini disebabkan oleh pengkaji-pengkaji lepas tidak sependapat dalam kajian-kajian mereka dan kebanyakan perbincangan hanya memihak kepada satu pihak sahaja. Selain itu, masih tiada penjelasan yang dilakukan terhadap keputusan-keputusan mahkamah berkaitan dengan kalimah Allah oleh mana-mana pengkaji sedangkan punca tercetusnya masalah ini adalah daripada keputusan-keputusan tersebut. Pengkaji juga menyedari bahawa masih belum wujud satu garis panduan atau kayu ukur untuk menentukan penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat di Malaysia yang boleh dijadikan panduan dan manfaat bersama. Penerbitan JAKIM yang selama ini membahaskan isu kalimah Allah ini juga hanya membahaskan penggunaan kalimah Allah menurut al-Quran dan sunnah sahaja serta mengapa orang

bukan Islam tidak berhak menggunakan kalimah Allah secara umum tanpa mengeluarkan sebarang penyelesaian yang boleh dijadikan garis panduan untuk rujukan semua.

Sehubungan dengan itu, isu tuntutan penggunaan kalimah Allah ini perlu dilihat dalam rangka yang lebih luas bukan hanya berdasarkan perbincangan hukum asal semata-mata bahkan perlu kepada perangkuman elemen realiti semasa masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia khususnya menurut *maqāṣid shari'ah* agar keamanan hidup bersama terjaga.

1.4 Persoalan Kajian

Bertitik tolak daripada masalah-masalah tersebut, persoalan kajian yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah:

- a. Apakah asal usul penggunaan kalimah Allah dalam kalangan penganut agama Kristian?
- b. Apakah alasan penghakiman dalam isu penggunaan kalimah Allah dalam kes-kes yang tertentu di Malaysia?
- c. Bagaimana penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dari perspektif *maqāṣid shari'ah*?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengumpul data dan mengenal pasti di akhirnya sama ada penganut Kristian wajar ataupun tidak untuk menggunakan kalimah Allah di Malaysia menurut *maqāṣid shari'ah*. Maka ia akan diselidik melalui objektif-objektif seperti berikut:

- a. Mengenalpasti asal usul penggunaan kalimah Allah dalam kalangan penganut agama Kristian.
- b. Menganalisis alasan penghakiman dalam isu penggunaan kalimah Allah dalam kes-kes yang tertentu di Malaysia.
- c. Menjelaskan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dari perspektif *maqāṣid sharī'ah*.

1.6 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis dokumen, sama ada data primer mahupun sekunder. Selain itu juga menggunakan kajian kes melibatkan kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri & Anor (Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri & Anor, 2009) dan Jill Ireland bt Lawrance Bill v Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia (Jill Ireland Lawrance Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia , 2021). Seterusnya menggunakan kaedah temu bual dengan menemu bual beberapa pakar dalam bidang *maqāṣid sharī'ah*. Beberapa sebab mengapa pendekatan kualitatif dipilih bagi justifikasi kajian ini:

- i. Pertamanya, kajian ini memilih reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan beberapa faktor penting terutamanya kekurangan maklumat yang jelas berkaitan hujah yang digunakan bagi kes Jill Ireland v Kementerian Dalam Negeri & Malaysia (Jill Ireland bt Lawrance Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia , 2021). Kajian ini memerlukan kepada rujukan bahan perundangan seperti fakta kes, implikasi kehakiman, hujah pendakwa dan hujah yang didakwa serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi menganalisis hujah

penganut Kristian untuk menggunakan kalimah Allah di dalam agama dan penerbitan mereka. Kajian kuantitatif yang bersifat numerika adalah tidak sesuai bagi menganalisis hujah dan implikasi tersebut kerana ia melibatkan perundangan, fakta dan teori.

- ii. Selain itu reka bentuk kualitatif dipilih kerana jenis data kajian ini adalah dalam bentuk perkataan dan bukan dalam bentuk nombor. Untuk mencapai setiap objektif kajian, penyelidikan memerlukan rujukan kepustakaan untuk mengumpul maklumat daripada buku-buku sejarah, buku-buku fiqh, laporan dan kajian-kajian lepas.

1.6.1 Analisis Dokumen

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009, Babbie, 2010). Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan sedia ada dan sukar untuk menipu.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk melakukan analisis dokumen berdasarkan sumber primer dan sekunder dimana sumber-sumber ini diperoleh daripada buku-buku dan kajian-kajian lepas yang didapati dari 3 buah perpustakaan iaitu Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan laman- laman jurnal. Kaedah ini digunakan bagi menjawab persoalan pertama

kajian berkaitan dengan asal usul penggunaan kalimah Allah dalam kalangan penganut Kristian selain mencari maklumat tentang *maqāṣid sharī'ah*. Kaedah ini dipilih kerana kebanyakan maklumat berkenaan asal usul penggunaan kalimah Allah telah terdapat dalam penerbitan buku, jurnal dan kajian-kajian lepas. Begitu juga dengan *maqāṣid sharī'ah* yang pengumpulan maklumatnya perlu merujuk kepada kitab-kitab turath dan kitab-kitab arab. Pendekatan yang digunakan dalam menganalisa dokumen setelah maklumat diperolehi adalah pendekatan diskriptif analisis- induktif dengan memilih maklumat yang sesuai dengan objektif yang ingin dicapai.

1.6.2 Kajian Kes

Kajian kes adalah kajian yang sesuai bagi mengkaji dan menyiasat secara mendalam dan menyeluruh tentang sesuatu kes. Bagi kajian ini, kajian kes akan dilakukan ke atas kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur V Menteri Dalam Negeri & Anor (Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur V Menteri Dalam Negeri & Anor, 2009) dan kes Jill Ireland v Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan Kerajaan Malaysia (Jill Ireland bt Lawrance Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia, 2021). Kajian ini akan mengumpul maklumat daripada sumber perundangan seperti fakta kes, alasan penghakiman di Mahkamah, hujah pendakwa dan yang didakwa dan beberapa akta berkaitan yang akan didapati di pangkalan data Lexis Nexis dan Current Law Journal bagi menjawab persoalan kajian. Pendekatan yang digunakan dalam kajian kes adalah setelah maklumat diperolehi pengakaji menggunakan pendekatan diskriptif analisis- induktif dengan memilih maklumat yang sesuai dengan objektif yang ingin dicapai.

1.6.3 Temu Bual

Menurut Nik Hazimah dan rakan-rakan (2021), dalam kajian kualitatif, pengumpulan data secara temu bual merupakan salah satu teknik yang sering digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Responden yang dipilih untuk ditemu bual perlulah seseorang yang arif dan berpengetahuan dalam masalah yang hendak dikaji dan responden memahami setiap soalan yang ditanya. Hal ini penting bertujuan memastikan bahawa jawapan yang diberikan dapat menjawab persoalan kajian yang diketepikan oleh pengkaji. Proses temu bual boleh dilakukan secara bersemuka atau melalui alat telekomunikasi.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu bagaimana penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dari perspektif *maqāsid sharī'ah*. Kaedah ini dipilih kerana persoalan bersifat semasa dan baru yang tidak boleh didapati dalam mana-mana buku atau jurnal. Pengkaji telah menemu bual 3 orang pensyarah yang mempunyai latar belakang *maqāsid sharī'ah* dan berpengetahuan dalam bidang undang-undang di Malaysia iaitu Prof Madya Dr Lukman bin Abdul Mutalib dan Dr Zizi Azlinda Mohd Yusof daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia serta Dr. Muhammad Shahrul Ifwat bin Ishak dari Universiti Sultan Zainal Abidin. Temu bual yang dilakukan adalah secara separa berstruktur dengan menyediakan soalan-soalan sebelum sesi temubual dan soalan-soalan tambahan telah diutarakan semasa proses temubual dijalankan.

1.7 Kajian Kesusteraan

Bab ini menerangkan tentang literatur berkaitan dengan topik yang merangkumi keseluruhan teori penyelidikan ini.

Tradisi dan kebiasaan setempat di Malaysia memaparkan realiti yang berbeza dengan negara-negara Arab dari sudut hubungan antara penganut agama serta penggunaan Bible versi Nusantara. Elemen tradisi ini sememangnya memiliki autoriti sebagai panduan hukum di mana sebarang kebiasaan yang disepakati secara umum mahupun khusus mempunyai nilai dalam penentuan sesuatu hukum meskipun tanpa petunjuk daripada nas (Al-Zarqā', 2001). Hubungan antara masyarakat pelbagai kaum dan agama didasari asas toleransi yang dicapai oleh generasi terdahulu dalam menghormati hak dan peruntukan yang telah diberikan mengikut kesesuaian setiap rakyat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan (Mohd Anuar Ramli, 2011). Maka sebarang tindakan yang dilihat cuba menjangkau sempadan perbatasan tersebut hanya akan mengundang konflik antara agama di Malaysia.

Tambahan pula kalimah Allah sememangnya telah sinonim digunakan oleh umat Islam di Malaysia dalam urusan ibadah dan kehidupan seharian manakala penganut Kristian pula lebih sinonim dengan penggunaan istilah *God* dan *Lord* bagi merujuk kepada tuhan (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2013). Maka pertembungan dengan penggunaan kalimah khas yang sama dalam dua agama yang sememangnya berbeza hanya akan mendatangkan kekeliruan dan perselisihan dalam kalangan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, isu tuntutan penggunaan kalimah Allah ini perlu dilihat dalam rangka yang lebih luas kepada perangkuman elemen realiti semasa masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia.

1.7.1 Kajian Berkaitan Konsep Asal Istilah dan Makna Tuhan Di Sisi Kristian

Tuhan di sisi orang Kristian adalah merujuk kepada doktrin Trinitas iaitu Tuhan bapa, Tuhan anak dan Roh Kudus. Terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam Bible oleh orang Kristian untuk merujuk kepada konsep ketuhanan Trinitas ini. Di antara istilah-istilah yang digunakan untuk merujuk kepada Tuhan dalam bahasa Hebrew adalah *el*, *elohim*, *eloah*, dan juga *adonay*. Menurut Lembaga al-Kitab Indonesia (LAI) *el*, *elohim* dan *eloah* yang bermaksud ‘dewa yang tertinggi dalam kalangan para dewa’ adalah merupakan istilah-istilah yang sering digunakan oleh masyarakat Semit kuno untuk merujuk kepada Tuhan mereka. LAI juga menegaskan bahawa penggunaan itu tidak sekali-kali bermakna masyarakat Yahudi mempercayai banyak Tuhan. Menurut kajian Roslizawati Mohd Ramly (2019), apabila Bible ditulis dalam Bahasa Greek istilah *el*, *elohim* dan *eloah* telah diterjemahkan kepada *theos*. *Theos* pula adalah istilah yang digunakan untuk merujuk Tuhan-tuhan orang Greek. Seterusnya, apabila Bible diterjemahkan kepada bahasa Melayu-Indonesia, perkataan *theos* telah diterjemahkan sebagai Allah. Dari sudut penggunaan, istilah *theos* telah digunakan sebagai kata nama am bagi Tuhan untuk merujuk kepada Tuhan yang benar. Namun *theos* juga digunakan untuk merujuk kepada Tuhan yang palsu dan juga kepada manusia.

Manakala, istilah *adonay* pula secara literal bermaksud ‘my lords’ atau Tuhan (M.Pike, 2010). Istilah ini telah digunakan secara konsisten sebagai alternatif kepada tetragram YHWH (Yod, He, Vau, He atau Yet, Huv, Wah, Huv) yang merupakan kata nama khas bagi Tuhan (Weng, 2014). Menurut Khadijah M. Khambali (2010), para paderi Yahudi telah mengharamkan mana-mana individu Yahudi dari menyebut perkataan YHWH tersebut kerana ketidakpastian yang timbul dan bagi mengelakkan daripada membuat dosa akibat tersalah menyebut nama Tuhan. Penggunaan *adonay* juga adalah bertitik tolak daripada larangan yang tercatat di dalam Bible Kitab Keluaran

(Exodus), Fasal 20: 7, supaya tidak menyebut nama tuhan secara membuta tuli (Roslizawati Mohd Ramly, 2019).

Secara jelasnya di sini istilah asal yang digunakan untuk merujuk kepada tuhan adalah *el*, *elohim*, *eloah* dan *adonay*. Manakala dari sudut makna, *el*, *elohim* dan *eloah* tersebut merujuk kepada dewa yang tertinggi di antara sekalian dewa. *Adonay* pula bermaksud Tuhan. Dapat juga disimpulkan di sini bahawa, istilah *adonay* walaupun bukan bermaksud kata nama khas Tuhan tapi digunakan secara khusus sebagai kata ganti bagi nama Tuhan yang tidak diketahui sebutannya dengan tepat. Manakala, istilah *el*, *elohim*, *eloah* dan *theos* adalah kata nama am atau gelaran yang digunakan bukan sahaja merujuk kepada tuhan yang benar, tuhan yang palsu bahkan juga manusia. Pengkaji melihat bahawa kajian-kajian lepas lebih memfokuskan kepada asal istilah tuhan dalam agama Kristian secara umum dan tidak mengaitkan penggunaan kalimah Allah sebagai tuhan dalam agama Kristian seperti yang dipertahankan oleh agama tersebut.

1.7.2 Konsep Monoteisma Dalam Agama Kristian

Konsep monoteisme atau kepercayaan kepada Tuhan yang satu dapat dibincangkan dengan merujuk kepada doktrin Trinitati. Doktrin ini merupakan salah satu daripada 3 doktrin utama selain daripada penjelmaan semula dan penebusan dosa yang dipegang kukuh oleh gereja-gereja utama seperti Katolik, Protestan, Ortodoks dan Anglikan. Doktrin Trinitati menjelaskan bahawa terdapat tiga unsur ataupun personaliti yang bersatu dalam satu gabungan yang dinamakan sebagai tuhan iaitu Tuhan Bapa (Father), Anak (Son), dan Roh Kudus (Spirit). (Hasbi Arijal, 2015; Khadijah M. Khambali, 2010). Tuhan Bapa adalah merupakan pencipta sekalian alam yang berada di syurga. Tuhan Anak adalah Jesus kristus yang merupakan Tuhan atau ‘firman yang hidup’

bersama-sama manusia yang datang ke dunia sebagai juruselamat untuk mengorbankan dirinya di tiang salib bagi menebus dosa warisan. Manakala Ruh Kudus adalah 'roh Allah' yang dipercayai boleh merasuk ke dalam peribadi para pendeta agama Kristian (Rahmat, 1992).

Menurut Rahmat (1992) dalam doktrin tri- tunggal keesaan Tuhan tetap menjadi kepercayaan pokok. Walaupun penganut Kristian beriman dengan tiga unsur ataupun personaliti, itu tidak bermakna mereka mengakui adanya Tuhan lain di samping yang Esa. Justeru, mereka menggunakan istilah-istilah seperti Anak dan Firman untuk merujuk kepada Jesus dan istilah Ruh Kudus bagi mengelakkan berlakunya salah faham bahawa mereka mempercayai tiga tuhan. Terdapat juga cubaan untuk menjelaskan konsep Trinititi dengan mengambil analogi matahari dan cahayanya di mana cahaya itu satu dan tidak terpisah daripada matahari maka begitulah juga dengan Jesus. Jesus adalah cahaya yang menerangi kegelapan dengan itu Jesus tidak terpisah daripada Tuhan yang memancarkan cahaya itu.

Walau bagaimanapun, tidak semua gereja Kristian beriman dengan doktrin Trinititi. Terdapat beberapa gereja yang menolak doktrin tersebut antaranya adalah Gereja Unitarian yang menolak Jesus sebagai Tuhan (Mahmud Ahmad, 2009) dan Gereja Latter Day Saints yang menumpukan kepada doktrin Godhead (Khadijah M. Khambali, 2010). Walau bagaimanapun analisa yang telah dilakukan mengenai kesesuaian penggunaan kalimah Allah oleh gereja- gereja bermazhab doktrin Unitarian menegaskan bahawa doktrin tersebut jauh bercanggah dengan konsep ketauhidan Allah dalam agama Islam. Hal ini kerana, konsep ketuhanan mereka masih dipengaruhi doktrin Trinititi. Justeru, beliau menegaskan bahawa penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian Arab (Kristian Koptik) untuk merujuk Tuhan yang Esa adalah tidak

absah (Roslizawati Mohd Ramly, 2019). Maka di sini pengkaji melihat bahawa pengkaji lepas hanya menerangkan kepercayaan penganut Kristian terhadap tuhan yang esa itu hanya secara umum tanpa mengaitkan adakah ia mempunyai ciri dan asas yang sama dengan Yang Maha Esa iaitu Allah seperti yang menjadi pegangan penganut Islam.

1.7.3 Hukum Penggunaan Kalimah Allah

Menurut kajian Khairul Azhar Meerangani (2016) beliau mendapati bahawa para sarjana secara umumnya terbahagi kepada dua aliran pandangan berkaitan dengan hukum penggunaan kalimah Allah iaitu pandangan yang membenarkan serta pandangan yang menolak penggunaan kalimah ini oleh golongan bukan Muslim. Perbezaan pandangan ini timbul disebabkan ketiadaan dalil yang bersifat jelas dalam menjelaskan isu ini sebaliknya hanya bergantung kepada suatu kaedah pengeluaran hukum dengan mengambil maksud dan kefahaman yang tersurat secara jelas di dalam teks ayat (Wahbah Al-Zuhayli, 1987).

Kumpulan pertama berpandangan bahawa Islam secara asalnya menerima dan membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh golongan bukan Islam. Pandangan ini antaranya dipelopori oleh sarjana luar negara seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī, Wahbah al-Zuhayli serta sebahagian sarjana tempatan seperti Dr. Zaharuddin Abdul Rahman (2012) dan Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (2013). Pandangan kumpulan ini ditetapkan berdasarkan kepada amalan penggunaan kalimah Allah oleh golongan kafir musyrikin Makkah serta golongan Ahli Kitab sejak sekian lama, bahkan sebelum kedatangan Rasulullah SAW. Pandangan daripada aliran pertama ini dilihat lebih menumpukan kepada aspek hukum asal penggunaan kalimah tersebut sebagaimana amalan sejak zaman Rasulullah SAW. Namun, keterikatan dengan hukum asal semata-mata dilihat

sedikit pincang kerana setiap zaman dan tempat yang berbeza sudah pasti akan menatijahkan perbincangan hukum yang berbeza. Maka pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh dalam membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh golongan bukan Islam dengan bersandarkan hukum asal semata-mata akan menghasilkan suatu ketetapan hukum yang kurang berpaut kepada realiti semasa yang ada (Khairul Azhar Meerangani, 2016).

Menurut Mas'od, M.A. (2013) dalam penulisan yang bertajuk *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia (2013)* golongan yang cenderung melarang penggunaan kalimah Allah kepada bukan Islam adalah terdiri daripada sarjana luar negara seperti Syeikh Abd al-Hamid al-Ballali, Syeikh Abd al-Muhsin al-Abikan dan Syeikh Abdul Fattah Allam. Daripada kalangan sarjana tempatan pula seperti Khadijah M. Khambali (2010) dan Dr. Khalif Muammar (2013). Pandangan yang diberikan oleh aliran kedua ini dilihat lebih seimbang dan meraihan realiti semasa. Namun, bantahan penggunaan kalimah tersebut dengan mengaitkan status akidah kumpulan yang membenarkan adalah kurang tepat kerana pihak tersebut juga hanya membenarkan penggunaan tersebut berdasarkan dalil yang diyakini mereka tanpa menetapkan sebarang sifat trinitas terhadap Allah sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Kristian.

Berdasarkan kepada kajian lepas tentang hukum penggunaan kalimah Allah, pengkaji mendapati bahawa pengkaji-pengkaji lepas lebih banyak mengeluarkan hukum dengan merujuk kepada sejarah penggunaan kalimah tersebut dan juga impak kepada akidah umat Islam semata-mata tanpa melihat adakah hukum-hukum tersebut dapat memberi kemaslahatan kepada negara seperti yang disarankan oleh *maqāsid sharī'ah*.

1.7.4 Konflik Antara Orang Islam dan Kristian

Menurut Roslizawati Mohd Ramly (2019) kajian khusus yang memfokus kepada menangani isu antara penganut agama Islam dan Kristian di Malaysia masih kurang. Ini mungkin kerana konflik atau keganasan agama antara penganut agama Islam dan Kristian di negara ini masih berada di tahap yang kurang membimbangkan. Kebanyakan kejadian yang terjadi hanyalah kejadian yang terencil dan tidak menjejaskan keharmonian negara secara amnya. Kajian awal yang memfokuskan untuk menangani isu-isu hubungan antara penganut agama Islam dan Kristian di Malaysia ialah kajian Walters (2007). Kajian ini diterbitkan pada tahun 2006 dalam *Journal of Islam and Christian Muslim Relations*. Di dalam kajian, beliau terdorong untuk mencadangkan pilihan dasar kepada kerajaan untuk menguruskan hubungan Islam dan Kristian di Malaysia demi mengekalkan keamanan dan kestabilan sosial. Menurutnya, terdapat beberapa isu utama yang menjejaskan hubungan Islam dan Kristian berikutan semangat kerajaan untuk Islamisasi. Isu-isu tersebut ialah peminggiran dan diskriminasi di bawah semangat Islamisasi kerana dasar mengenai tempat ibadat yang berat sebelah kepada orang Islam sahaja, Islamisasi pendidikan, dorongan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam dan minat yang tinggi untuk menambah baik dan melaksanakan hukum shari'ah (Walters, 2007).

Kajian lain yang dijalankan oleh Ismail (2012) juga mendapati antara isu utama agama yang menjejaskan hubungan Islam dan bukan Islam ialah isu penukaran agama Islam dan isu penggunaan kalimah Allah. Kedua-dua mereka berhujah bahawa isu-isu itu perlu ditangani segera kerana ia telah mengakibatkan tercetusnya ketegangan antara orang Islam dan Kristian, khususnya, jika mahkamah mempunyai kuasa untuk mengadili murtad. Menurut Roslizawati Mohd Ramly (2019) dalam kajiannya isu kalimah Allah ini telah menyebabkan demonstrasi bantahan di Kuala Lumpur, serangan

ke atas beberapa gereja dan peristiwa kepala babi dibaling ke dalam kawasan masjid di Kuala Lumpur. Umat Islam turut mendakwa siri serangan ke atas beberapa tempat ibadat di negara ini juga berpunca daripada penahanan 30,000 kitab Injil Melayu oleh Kementerian Dalam Negeri. Ahmad Munawar (2012) memberi saranan kepada negara untuk menyediakan satu mekanisme yang membolehkan penganut antara agama yang berbeza berinteraksi secara intelek. Perlu ada pengukuhan nilai-nilai bersama dengan membincangkan isu-isu yang penting untuk menggalakkan keamanan dan keharmonian melalui pemahaman agama. Namun begitu, rakyat Malaysia juga diingatkan supaya tidak menyentuh isu sensitif agama.

Isu kalimah Allah ini telah didekati ulama sama ada menyokong untuk menggunakan atau menentang penggunaannya oleh orang Kristian. Sarjana Muslim yang menyokong penggunaannya oleh orang Kristian secara amnya berhujah berdasarkan perspektif linguistik dan penggunaan sejarah perkataan itu (Hussin, 2010). Terdapat beberapa penulisan justifikasi untuk melarang penganut Kristian menggunakan kalimah Allah dan hujah balas terhadap penganut Kristian yang boleh didapati iaitu tulisan oleh penyelidik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia seperti Mohd Aizam Mas'od (2008), Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Rashidi Jamil Al-Rasyid & Mohd Aizam Mas'od (2013) dalam buku mereka "Validity of the use of the name Allah only for Muslims".

Kesimpulannya pengkaji melihat bahawa kajian-kajian lepas lebih banyak memfokuskan kesan keputusan mahkamah berhubung penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian terhadap sensitiviti keagamaan Islam di Malaysia. Namun, masih tiada yang mengkaji keputusan mahkamah tersebut adakah ia menggunakan hujah dan

sandaran keputusan yang bertetapan dengan *maqāṣid sharī'ah* supaya kemaslahatan umat Islam itu terjaga dunia dan akhirat.

1.7.5 Kehidupan Beragama Berpandukan *Maqāṣid Sharī'ah*

Maqāṣid Sharī'ah terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqāṣid* dan *sharī'ah*. Setiap daripada kedua perkataan tersebut mempunyai maksud yang tersendiri di dalam bahasa Arab. *Maqāṣid* adalah kata jamak kepada *maqṣad* iaitu kata terbitan kepada kata kerja *qasada*, *yaqsidu*, *qasd* dan *maqṣad*. *Qasd* dalam bahasa Arab (Al-Fayyūmī, n.d.; Ibn Fāris, 1979) mempunyai beberapa maksud iaitu mendatangi sesuatu dan menghala ke arahnya, lurus dan tidak bengkok. Dikatakan dalam bahasa Arab, *ṭarīq qasīd* bermaksud jalan yang lurus dan mudah untuk dilalui. Maksud seterusnya adalah adil, pertengahan dan tidak melampau juga memecahkan atau pecahan. Manakala *sharī'ah* pula dalam bahasa Arab bermaksud agama, jalan dan manhaj. Dari sudut istilah pula, *sharī'ah* bermaksud peraturan yang ditetapkan oleh Allah ke atas manusia melalui nabinya (Al-Yūbī, 1998). Manakala *maqāṣid sharī'ah* pula menurut Al-Yūbī (1998) ialah makna, hikmah dan seumpamanya yang diambil kira oleh syara' dalam pensyariatan secara umum atau secara khusus dengan tujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia. Kepentingan manusia yang menjadi objektif syara' terbahagi kepada tiga jenis iaitu *maqāṣid darūriyyāt*, *ḥājjiyāt* dan *taḥsiniyyāt*. *Maqāṣid Daruriyyat* menurut (Al-Yūbī, 1998) ialah perkara yang menjadi keperluan manusia dan menjadi asas kepada kehidupan mereka. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan mereka akan menuju kehancuran. Keperluan asas ini ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perkara-perkara ini menjadi objektif syara' dalam keseluruhan pensyariatan hukum.

Masyarakat di Malaysia menjalani kehidupan dengan berpandukan kepada agama. Menurut Setiyawan Gunardi et.al. (2020), satu konsep amat diperlukan yang boleh melindungi umat beragama sama ada yang muslim mahupun bukan muslim dan juga yang dapat mencegah perbalahan yang mungkin berlaku antara agama pada suatu masa nanti. Menurutnya lagi, konsep harmoni yang dinamik mempunyai ciri kebersamaan yang boleh diterima semua golongan masyarakat dalam kehidupan beragama adalah melalui pendekatan *maqāṣid sharī'ah*.

Imam Al-Ghazālī menjelaskan *maqāṣid sharī'ah* sebagai *maṣlahah* yang mengambil manfaat dan menolak keburukan. Ia sememangnya menjadi tujuan manusia untuk memelihara lima perkara asas manusia (*usul al-khams*) iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang bertujuan untuk memelihara *usul al-khams* ini dikenali sebagai *maṣlahah*, manakala perkara yang memudaratkan *usul al-khams* pula dikenali sebagai mafsadah (Al-Zarqā', 1998). Menurut Menurut 'Alāl Al-Fāsī (1993) pula, *maqāṣid sharī'ah* merupakan tujuan dan rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah dalam sesuatu hukum. *Maqāṣid* ini dibahagi kepada *maqāṣid* umum dan *maqāṣid* khusus. *Maqāṣid* umum adalah matlamat *sharī'ah* secara umum, manakala *maqāṣid* khusus adalah rahsia di sebalik setiap hukum. Menurut Al-Syātībī (1996) tujuan akhir sesuatu hukum tersebut itu adalah satu, iaitu *maṣlahah* atau kebaikan dan kesejahteraan buat seluruh manusia. Beliau melihat *maqāṣid sharī'ah* dari dua sudut: wujud dan 'adam atau the presence and the absence. Dalam bukunya Al-Muwāfaqat, beliau mengatakan bahawa: Menjaga *maqāṣid sharī'ah* harus dengan dua hal. Pertama, menegakkan dasar dan parameter sebagai bentuk khusus terhadap wujud. Kedua, menghalang kerosakan yang akan berlaku atau dijangkakan akan berlaku sebagai bentuk khusus terhadap adam.

Setiyawan Gunardi et.al. (2020) mengatakan bahawa *maqāsid sharī'ah* merupakan prinsip asas dalam mewujudkan konsep harmoni yang menjadi pegangan hidup beragama antara orang Islam dan orang bukan Islam iaitu harmoni agama, harmoni nyawa, harmoni akal, harmoni nasab dan harmoni harta. Konsep harmoni agama yang menerapkan *maqāsid sharī'ah* adalah bermaksud ajaran agama Islam tidak dibenarkan membuat cercaan kepada Tuhan agama lain, kerana akan berlaku balasan yang serupa daripada penganut agama selain Islam. Hal ini, telah dinyatakan firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amāl perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka lalu. Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan”.

(al-Quran. Al-An'aam 6:108)

Ayat ini menjelaskan bahawa agama Islam amat menghargai perbezaan agama yang dianut tanpa melakukan cela-mencela antara satu agama sama agama lain.

Isu-isu asas berkaitan dengan *maqāsid sharī'ah* dan undang-undang telah banyak dikaji dalam jurnal-jurnal dan kertas kerja persidangan lepas (Setiyawan Gunardi & Siti Hajar, 2019). Mālah, Khairul Azhar et.al. (2013) juga menjelaskan hak asasi bukan Islam di Malaysia, persoalan hak asasi yang menjadi pertikaian masyarakat jika dikaitkan dengan agama. Juga menjelaskan Islam yang mampu memenuhi keperluan orang bukan Islam dalam menjalani kehidupan. Namun tidak mengkaitkan dengan *maqāsid sharī'ah*, sebagai panduan. Setiyawan Gunardi et.al. (2020) juga telah menjelaskan keterkaitan *maqāsid sharī'ah* dan konsep harmoni dalam konteks

penjagaan agama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia namun tidak menyentuh bagaimana pula jika orang bukan Islam yang menyamakan Allah umat Islam yang Maha Esa dengan Allah tuhan bapa yang mereka percaya dalam konsep trinititi menurut *maqāṣid sharī'ah*. Juga bagaimana akta-akta dan undang-undang di Malaysia yang menentukan keputusan kalimah Allah adakah ia menjaga *maqāṣid sharī'ah* sebagaimana dituntut oleh agama Islam.

1.7.6 Membuat Keputusan Berteraskan *Maqāṣid Sharī'ah*

Menurut Sidek (2021) dalam kajiannya, *maqāṣid sharī'ah* diertikan sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau objektif atau tujuan disyariatkan sesuatu hukum bagi memelihara kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia dunia dan akhirat. Antara cendikiawan terawal yang telah menulis kaedah penetapan hukum Islam untuk dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah-masalah baharu yang memerlukan kepada ijtihad adalah Imam Syafie dan kemudiannya dikembangkan pula oleh *ulama-ulama* awal seperti Al-Juwainī dan murid beliau Al-Ghazālī (Zaydan, 2004). Dalam menetapkan suatu hukum, prinsip, peraturan atau prosedur yang menepati *maqāṣid sharī'ah*, ia hendaklah diasaskan kepada kaedah-kaedah yang telah dibincangkan dalam ilmu usul fiqh iaitu berteraskan dalil-dalil hukum dari al-Quran, al-sunnah, ijmak, qiyas dan lain-lain. Sekiranya perkara yang perlu diputuskan tidak disebutkan di dalam al-Quran dan hadis secara jelas serta tidak melibatkan hukum hakam, keputusan boleh dibuat berdasarkan penyelidikan, pengalaman atau persetujuan dengan mengambil kira masalah dan mafsadah bahawa keputusan tersebut adalah untuk kebaikan semua pihak yang terbabit. (Sidek, 2021). Hasan Haji Ahmad (1999) juga berpandangan bahawa sekiranya konsep *maqāṣid sharī'ah* difahami, maka ia dapat membantu umat Islam mengetahui bahawa segala hukum yang ditentukan oleh Allah

SWT adalah bertujuan untuk memberi kebaikan atau menghalang kemudharatan ke atas mereka.

Pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia merupakan objektif utama selain menjadi masalah utama yang ingin dicapai oleh perundangan Islam (Muhammad, 1993). Menurut Ahmad Akram Mahmad Robbi di dalam kajiannya, setiap fatwa perlu berlandaskan disiplin *maqāsid sharī'ah*. Hal ini kerana hanya ijtihad atau fatwa yang menepati disiplin *maqāsid sharī'ah* dapat meraikan dinamika kehidupan masyarakat. Mufti sebagai orang yang bertanggungjawab menjawab persoalan masyarakat perlulah mengemukakan jawapan yang selari dengan pendekatan *maqāsid sharī'ah*. Antara tuntutan *maqāsid sharī'ah* di dalam pempfatwaan adalah meraikan kemaslahatan masyarakat sama ada masalah berbentuk umum atau khusus. (Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2019). Ahmad Akram Mahmad Robbi (2019) juga mengatakan bahawa untuk mengekalkan kebaikan dalam norma kehidupan masyarakat Islam di Malaysia, menepati piawaian agama di samping tidak memberi kemudahan kepada mereka dengan pendekatan kaedah masalah perlu diberikan perhatian oleh mufti (Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2019). Antara fatwa yang mengaplikasikan konsep masalah adalah seperti hukum pelaburan. Perbadanan Nasional Berhad dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hukum menjamakkan solat tanpa qasar kepada mangsa banjir, hukum pernikahan menggunakan khidmat wali am dari selatan Thailand, hukum menggabungkan puasa qada dan puasa sunat enam syawal dan hukum bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (sms) (Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2019).

Tuan Sidek (2021) dalam kajiannya lagi mengatakan bahawa membuat keputusan adalah suatu perkara yang penting dalam pengurusan organisasi termasuklah pengurusan organisasi Islam. Proses membuat keputusan berlaku pada pelbagai

peringkat pengurusan. Keputusan yang baik akan menjadikan urusan sesebuah institusi berjalan dengan lancar, manfaatnya dirasai oleh pelbagai pihak, mengurangkan konflik serta menghasilkan pengurusan yang lebih efektif. Pelbagai pembahagian *maqāsid* hendaklah dijadikan asas membina cara berfikir ketika membuat sesuatu keputusan yang bermatlamatkan untuk kebaikan.

Jika dilihat kepada kajian-kajian lepas, ramai penyelidik menekankan penerapan konsep *maqāsid shari'ah* semasa membuat keputusan bagi seorang mufti dalam pematwaan mahupun pemimpin dalam organisasi. Namun, pengkaji mendapati masih tiada kajian yang dilakukan terhadap penerapan *maqāsid shari'ah* dalam membuat keputusan berhubung dengan isu perundangan terutamanya dalam kes penggunaan kalimah Allah yang telah mencetuskan konflik keagamaan antara penganut agama Islam dan Kristian.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan harus memberi impak pada akhirnya supaya ada nilai untuk penyelidikan. Ia adalah keadaan yang sama untuk kajian ini. Adalah dipercayai bahawa kajian ini akan memberi impak yang besar kepada literatur akademik dan pengkaji akan datang dalam membantu agensi-agensi yang menjaga kepentingan agama Islam di Malaysia dalam menyelesaikan isu berhubung penggunaan kalimah Allah.

1.8.1 Kepentingan kepada Agensi-Agensi Kerajaan

Kajian ini dapat memberi panduan kepada JAKIM sebagai badan yang mewakili kepentingan umat Islam dalam memberikan satu penyelesaian atau satu garis panduan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Selain itu, memberi panduan kepada Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia,

kaedah terbaik dalam menyelesaikan konflik penggunaan kalimah Allah sehingga dapat memberikan penyelesaian yang terbaik dan dapat diterima oleh semua pihak.

1.8.2 Kepentingan kepada Penyelidik

Hasil kajian ini akan menjadi rujukan kepada ahli akademik, para penyelidik, pelajar dan juga institusi-institusi masyarakat di Malaysia yang memerlukan rujukan bagi mendapatkan satu jalan penyelesaian bagi kes penggunaan kalimah Allah. Dengan adanya kajian akan datang ia diyakini dapat memberi jawapan keatas kekeliruan masyarakat Islam dalam penggunaan lafaz Allah oleh orang bukan Islam sehingga dapat memberi keselesaan kepada masyarakat Islam untuk beribadah dengan kalimah keagamaan mereka. Bahkan masyarakat berbilang kaum akan dapat menjalani kehidupan dengan saling bertoleransi.

1.9 Skop dan Limitasi

Skop kajian hanya melibatkan asal usul penggunaan kalimah Allah dari kata Allah iaitu melibatkan sejarah penggunaan dan maksud kalimah dalam Arab, konsep kalimah Allah dalam al-Quran dan sunnah, konsep kalimah Allah dalam Melayu serta penggunaan kalimah tersebut dalam Bible terjemahan Bahasa Melayu. Selain itu limitasi bagi kajian kes hanya kepada kes berhubung penggunaan kalimah Allah yang telah diputuskan oleh Mahkamah di Malaysia iaitu kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri (Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur V Menteri Dalam Negeri & Anor, 2009) dan kes Jill Ireland Lawrance Bill v Menteri Dalam Negeri & Kerajaan Malaysia (Jill Ireland Lawrance Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia , 2021). Pengkaji akan melakukan carian dokumen-dokumen perundangan berhubung kes-kes tersebut di pangkalan data Lexis Nexis Malaysia dan Current Law

Journal sahaja. Ini bagi memastikan limitasi bagi carian adalah hanya berkaitan dengan masalah yang dikaji dan data yang diperolehi adalah daripada sumber rujukan yang dipercayai.

Seterusnya, bagi skop kajian *maqāṣid sharī'ah*, pengkaji akan merujuk kepada kitab-kitab turath dalam menerangkan konsep *maqāṣid sharī'ah* dan pembahagiannya. Bagi penyelesaian masalah ini menurut *maqāṣid sharī'ah*, pengkaji hanya akan mengkaji kaitan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia menurut *maqāṣid* dari asal usul penggunaan tersebut dan alasan penghakiman daripada kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri (Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur V Menteri Dalam Negeri & Anor, 2009) dan kes Jill Ireland Lawrance Bill v Menteri Dalam Negeri & Kerajaan Malaysia (Jill Ireland Lawrance Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia , 2021) sahaja. Manakala dari segi skop tempat kajian, kajian ini akan merujuk isu-isu berkaitan yang berbangkit di Malaysia.

1.10 Kesimpulan

Persamaan yang wujud dalam masyarakat menjurus kepada permuafakatan dan kebaikan amatlah disokong oleh Islam dan perbezaan yang wujud pula diraikan. Isu kalimah Allah ini adalah isu yang perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan sensitiviti agama antara masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia lebih-lebih lagi apabila negara ini sangat menjaga keharmonian dan keamanan dalam konteks hidup bermasyarakat dan beragama. Kajian ini juga turut mampu untuk menjelaskan implikasi kehakiman mahkamah berkaitan dengan isu kalimah Allah yang kurang jelas di mata masyarakat serta kewajarannya menurut ukuran *maqāṣid sharī'ah* di Malaysia. Justeru diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam mencari

penyelesaian yang terbaik dan dapat membantu penyelidik akan datang dalam melakukan kajian lanjutan seterusnya membangunkan satu cadangan garis panduan penggunaan kalimah Allah untuk dimanfaatkan oleh masyarakat serta sebagai panduan bagi menjaga masalah dan mengelak kemudaratan antara agama.

